

Noor Mohamad
Shakil Hameed

HARIAN METRO



Lesen terbang ancaman di jalan raya

Bayangkan jika makin ramai pemandu memperoleh lesen terbang dan berada di atas jalan raya bersama-sama dengan kita

memandu cukup banyak di seluruh negara dan mereka perlu mencari makan untuk terus bertahan, tetapi jika aktiviti pengeluaran lesen terbang terus berleluasa, lambat-laun satu demi satu institut tersebut terpaksa gulung tikar. Ini pastinya akan menjasaskan ekonomi, pendapatan dan peluang kerjaya rakyat kita.

Sudah pasti kesan yang paling ditakuti masyarakat ialah kegiatan ini akan menghasilkan pemandu tidak kompeten dan berbahaya di jalan raya.

Umum mengetahui statistik kemalangan jalan raya di negara kita cukup menggerunkan dan mem-

bimbangkan semua pihak terutamanya membabitkan kemalangan maut.

Antara punca utama yang dikenal pasti ialah kecuaian pemandu itu sendiri yang bukan saja merugikan nyawa sendiri tetapi turut mengancam nyawa pengguna jalan raya yang lain.

Jadi bayangkan jika makin ramai pemandu tidak mengikuti kursus dan latihan pemanduan yang betul, memperoleh lesen terbang dan berada di atas jalan raya bersama-sama dengan kita. Bukankah itu satu situasi yang patut kita risaukan.

Ironinya orang yang menjalani pelbagai kursus dan latihan pemanduan pun boleh melakukan kesilapan ketika memandu, apakah lagi orang yang tidak melalui proses itu.

Lebih membimbangkan lagi apabila ia turut membabitkan pemandu luar negara yang dilaporkan boleh memperoleh lesen terbang melalui pemalsuan maklumat dalam prosedur penukaran lesen memandu luar negara.

Mereka ini yang tidak mengetahui selok-belok peraturan jalan raya di negara kita boleh mendatangkan ancaman yang besar kepada pengguna jalan raya yang lain.

Jadi kita berharap pihak kementerian dapat menangani masalah ini daripada peringkat akar umbi

lagi iaitu mengenal pasti dan mengambil tindakan tegas terhadap semua pegawai dan anggota JPJ yang terlibat.

Ringkasnya JPJ perlu dibersihkan sepenuhnya daripada pegawai yang tidak berintegriti seperti ini. Hal ini penting kerana JPJ adalah sebuah agensi yang menawarkan perkhidmatan atau produk yang penting kepada rakyat, jadi kita tidak mahu hanya kerana nilai setitik rosak susu sebelanga.

Imej dan nama baik JPJ perlu segera dipulihkan sebagai suntikan motivasi dan semangat kepada majoriti anggota yang sangat komited dan berdedikasi dalam menjalankan tugas selama ini.

Kita tidak mahu menghukum mereka hanya kerana segelintir yang sanggup menjual maruah diri. Untuk itu, sebagai langkah pencegahan dan pembetulan kita harap program berbentuk memupuk kesedaran dan memperkasakan aspek nilai jati diri dan integriti wajar diperbanyak dan dilaksanakan secara berkala dan konsisten supaya semua anggota sentiasa berhati-hati dan berwaspada.

Kita juga berharap masyarakat akan lebih sensitif dalam isu seperti ini. Jangan sesekali guna pintu belakang atau jalan pintas seperti ini untuk memperoleh lesen yang tidak sah dan jangan juga mudah terpengaruh dengan promosi dan tawaran menarik dari-

pada sindiket yang sangat licik ini.

Sebaliknya sebagai rakyat yang bertanggungjawab, segera laporkan kepada pihak berkuasa jika ada sindiket yang mendekati kita dan menawarkan lesen terbang. Ingat tidak akan ada penawaran jika tidak ada permintaan.

Pada masa sama kita juga berharap semua pemegang lesen terbang ini segera memulangkan kembali lesen berkenaan dan tidak lagi bersubahat dengan sindiket seperti ini.

Terima tawaran untuk menjadi saksi pendakwaan supaya tidak diambil sebarang tindakan undang-undang. Kita berharap pihak JPJ boleh menyediakan platform atau laluan khas kepada mereka untuk segera memperoleh lesen secara sah supaya boleh memandu seperti biasa tanpa sebarang masalah.

Akhirnya sudah-sudahlah ketirisan yang berlaku dalam agensi penguatkuasaan di negara kita. Dalam era Malaysia baharu ini marilah kita perbaiki segala kelemahan, penyelewengan dan salah laku yang ada demi memantapkan imej dan kedudukan perkhidmatan awam serta melahirkan masyarakat yang berintegriti dan memiliki jati diri yang unggul.

**Penulis Timbalan Pendaftar
Fakulti Kejuruteraan
Universiti Putra Malaysia**

Dialog Kotaraya

Oleh Juragan

